

Perlu izin untuk masuk ke kebun durian haram

Asrol Awang - Julai 14, 2021 @ 9:49am
bhnews@bh.com.my



Perlu dapat kebenaran Jabatan Perhutanan negeri jika mahu masuk dan mengambil barang di Hutan Simpan Kekal Batu Talam, Raub - Wan Rosdy. FOTO NSTP

KUANTAN: Pekebun durian haram yang mahu memasuki dan mendapatkan barang milik pekebun durian haram di Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, Raub perlu memohon kebenaran daripada Jabatan Perhutanan negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata kebenaran daripada jabatan terbabit perlu diperolehi kerana kerajaan negeri bertegas dan tidak berkompromi dalam isu pencerobohan hutan.

"Kerajaan negeri konsisten dalam kerja penguatkuasaan dilakukan tanpa mengira kaum atau kawasan dan daerah ke atas pencerobohan tanah secara haram di negeri ini," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau mengulas permohonan Setiausaha Agung MCA, Datuk Chong Sin Woon supaya kerajaan negeri membenarkan pekebun haram durian terbabit mendapatkan barang mereka yang ada di hutan simpan berkenaan.

Permohonan itu disuarakan Sin Woon ketika bertemu Wan Rosdy dalam kunjungan hormat bersama Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhamad di Wisma Sri Pahang, semalam.

"Kepada permintaan ini, saya meminta Sin Woon mendapatkan sendiri kebenaran untuk pekebun terbabit berbuat demikian daripada Pengarah Jabatan Perhutanan negeri," kata Wan Rosdy.

Sejak operasi pada 3 Julai lalu, kira-kira 15,000 pokok durian Musang King yang ditanam secara haram dalam HSK Batu Talam seluas lebih 101 hektar sudah ditebang.

Jabatan Perhutanan negeri bercadang menanam kira 20,000 pokok hutan antaranya Merawan, Meranti, Balau, Keruing dan beberapa spesis lain.